

**NO. SOALAN : 38**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG**  
**KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT PERTAMA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI DR HAJI IRMOHIZAM BIN  
IBRAHIM  
[ KUALA SELANGOR ]**

**TARIKH : 23 MAC 2017 (KHAMIS)**

**Dato' Sri Dr Haji Irmohizam Bin Ibrahim [ KUALA SELANGOR ]**  
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan prestasi terkini keseluruhan kewangan semasa FELDA dan anak syarikatnya dan menyatakan penjelasan terperinci berkaitan sejumlah wang bernilai RM 4.3 bilion milik FELDA yang tidak dapat dikenal pasti perbelanjaannya.

**JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,**  
**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FELDA telah melaksanakan pemakaian Piawaian Pelaporan Kewangan atau *Financial Reporting Standards* (FRS) mulai tahun kewangan 2006 dan mematuhi Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PA3.1/2013 – Garis Panduan Untuk Penyediaan dan Pembentangan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan bagi tujuan penyediaan Penyata Kewangan tahunan yang diaudit.

Seterusnya, FELDA telah menggunakan FRS 139 Instrumen Kewangan : Pengiktirafan dan Pengukuran mulai tahun kewangan 2010 yang memerlukan pendedahan dalam Penyata Kewangan untuk mengambilkira nilai saksama (*fair value*). Nilai saksama merupakan anggaran rasional dan tidak berat sebelah daripada harga pasaran potensi yang baik, perkhidmatan atau aset. Anggaran ini mengambilkira penjejasan nilai apabila kos yang diakaunkan melebihi nilai saksama.

Penyata Kewangan FELDA yang berakhir 31 Disember 2014 sebanyak RM1,022.8 juta. Antara faktor utama yang mempengaruhi penurunan ini adalah pengurangan perbelanjaan yang dipengaruhi oleh langkah penjimatan yang dilaksanakan oleh FELDA.

Perolehan kasar yang diterima oleh FELDA hasil daripada penyenaraian Felda Global Ventures Holdings Berhad pada Jun 2012 adalah berjumlah RM5.99 billion.

Sebanyak RM1.69 billion telah diperuntukkan untuk bayaran durian runtuh kepada peneroka manakala baki sebanyak RM4.30 billion telah diperuntukkan bagi kategori-kategori seperti berikut:

Bil	Perkara	RM Juta
1.	Perbelanjaan Berkaitan Penyenaraian	1,157.33
2.	Pinjaman Pembesaran Rumah Peneroka	400.00
3.	Perbelanjaan Penebusan Saham	408.19
4.	Perbelanjaan Pengurusan	903.92
5.	Pelaburan Jangka Panjang	1,439.46
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>		<b>4,308.90</b>

Sekian. Terima kasih.